

# MALAYSIA BERSAMAMU



Pasukan sepak takraw lelaki negara bersama pingat gangsa yang mereka raih dalam regu berpasukan, semalam.

## 'Ini saja kemampuan kami'

BERITA HARIAN

20/8/2017 p. 29

Fakta  
nomor

**2 EMAS**

sasaran  
skuad sepak  
takraw negara  
pada saingan  
KL2017

➔ Malaysia  
sekadar raih  
gangsa dalam  
acara regu  
berpasukan

Oleh Azlan Muhammad Zain  
dan Naqib Mohd Said  
sukan@hmetro.com.my

► Kuala Lumpur

**“**ini saja yang mampu kami  
persesembahkan. Kami mo-  
hon maaf kepada semua  
penyokong yang mengharapkan se-  
suatu lebih baik daripada kami.”

Itu nada kekesalan kapten negara,  
Mohd Syahir Rosdi selepas Malaysia

sekadar meraih gangsa dalam acara tradisi, regu berpasukan berkongsi dengan Brunei.

Malaysia yang tewas mengejut 2-1 kepada Indonesia malam kelmarin, tidak mampu mencabar Thailand yang menang mudah 3-0 dalam aksi terakhir liga sepusingan di Stadium Tertutup Titiwangsa, semalam.

### Kurang pengalaman

Secara keseluruhan Thailand yang mengumpul enam mata mengekalkan emas yang dimenangi sejak edisi 1993 manakala tuan rumah Sukan Asia 2018 Indonesia meraih perak apabila mengumpul empat mata disusuli Malaysia (dua mata) dan Brunei tanpa sebarang mata.

“Apa saja yang orang cakap, saya sebagai kapten akan menanggungnya,” kata pemain kelahiran Pulau Pinang itu.

Menurut tekong utama negara itu, antara faktor yang menyebabkan skuad negara gagal meraih sekurang-kurangnya perak adalah sikap terlalu memberikan perhatian kepada musuh tradisi, Thailand.

“Kita memandang rendah Indonesia selepas pernah menang mudah dengan mereka sebelum ini.

“Malah dalam skuad, terdapat pemain muda yang kurang pengalaman turut menyumbang kepada keputusan ini.

“Banyak perkara yang perlu mereka belajar seperti menyerap tekanan, kekuatan mental apabila kettinggalan dan sebagainya. Mereka mempunyai potensi,” kata-nya.

Syahir bagaimanapun menaruh keyakinan dan bermotivasi mempertahankan emas antara regu yang dimanganya di Singapura dua tahun lalu.

